

## BAB VII

### MALAYSIA DALAM TUGAS PENGAMAN DI BOSNIA-HERZEGOVINA (1993 – 1998)

"... the only true basis of enduring peace is the willing co-operation of free peoples in a world in which, relieved of the menace of aggression, all may enjoy economic and social security..."

UN's Staff<sup>146</sup>

#### Pengenalan.

Penugasan pasukan Pengaman Malaysia di Bosnia-Herzegovina merupakan pengalaman yang pertama seperti itu di Benua Eropah. Situasi dan masalah yang dihadapi oleh pasukan-pasukan pengaman Malaysia sebelum ini amat berbeza. Ini kerana sebelum ini, penugasan pasukan Pengaman Malaysia kebanyakan ditugaskan di kawasan panas iaitu di negara-negara di benua Afrika. Ia merupakan satu catatan sejarah dan pengalaman yang tidak ternilai kepada ATM. Komitmen yang ditunjukkan oleh Kerajaan Malaysia dalam penugasan pasukan pengaman di Bosnia-Herzegovina, bukan sahaja memandangkan ia sebuah negara Islam, malahan perasaan tanggungjawab rakyat Malaysia terhadap keamanan dunia sejagat.

---

<sup>146</sup> . "Everyman's United Nations: A Ready Reference to the Structure, Functions and Work of the United Nations and its Related Agencies", United Nations Department of Public Information 4<sup>th</sup> (ed), New York, 1953, hlm.4.

Mengikuti sejarah, kekalahan puak Serbs di Kosovo Polje pada tahun 1389 oleh kerajaan Ottoman telah memberi kesan yang mendalam kepada masyarakat yang beragama Kristian di Eropah. Dari situ lahirnya puak Islam di Bosnia-Herzegovina. Dengan kekalahan kerajaan Ottoman pada tahun 1878 dan selepas Perang Dunia Kedua, Bosnia-Herzegovina telah digabungkan dalam Kesatuan Republik Yugoslavia. Pergolakan yang berlaku di Yugoslavia bermula selepas kematian Tito pada tahun 1980. Dengan pelantikan Slobodan Milosevic pada tahun 1987 sebagai Presiden Serbia, maka Yugoslavia yang terdiri dari enam buah republik seperti Bosnia dan Herzegovina, Croatia, Macedonia, Montenegro, Serbia dan Slovenia serta dua wilayah otonomi iaitu Vojvodina dan Kosovo mula mengalami pergolakan pertelagahan di antara tiga kaum yang menjadi majoriti penduduk Yugoslavia iaitu Serbs, Croats dan Bosnia Muslim. Puak Serbs dan Croats tidak suka di antara satu sama lain. Mereka juga amat membenci puak Muslim. Namun pada beberapa ketika pula, puak Croats dan Muslim bersatu menentang puak Serbs. Puak Serbs merupakan kaum yang terkuat dan terlatih kerana 70 % dari anggotanya merupakan anggota tentera bekas Kerajaan Yugoslavia.<sup>147</sup>

Akibat dari pertelagahan tersebut, beberapa buah negeri di bawah Persekutuan Yugoslavia telah berpecah dan mengisytiharkan kemerdekaan. Selepas Slovenia dan Croatia mendapat kemerdekaan, Bosnia-Herzegovina pula menuntut kemerdekaan, iaitu berikutan Parti Islam Tindakan Kebangsaan memenangi pilihanraya yang mengakibatkan

---

<sup>147</sup> . op. cit, 74. Cambodia Peacekeeping.

pertumpahan darah dan kematian yang amat menyedihkan. Bosnia-Herzegovina terdiri dari 43 % penduduk Bosnia Muslim, 32 % Serbs dan 17 % Croats.<sup>148</sup>

Penglibatan PBB dalam krisis bekas Yugoslavia bermula pada 25 September 1991. Resolusi Majlis Keselamatan 713 (1991) menghalang kemasukan senjata dan peralatan perang ke negara-negara bekas Yugoslavia. Walaupun semua puak yang bertelagah telah bersetuju untuk mengadakan gencatan senjata, namun pelanggaran gencatan senjata sering sahaja dilakukan sehinggakan Majlis Keselamatan mengeluarkan Resolusi 721 pada 27 November 1991 memaksa pihak yang bertelagah mematuhi perjanjian gencatan senjata. Pada 15 Disember 1991, Majlis Keselamatan mengeluarkan sekali lagi arahannya iaitu Resolusi 724 (1991) untuk menghantar kumpulan kecil pasukan pengaman bagi mengkaji keadaan dan persiapan sebelum menghantar pasukan pengaman yang lebih besar ke negara tersebut. Setelah laporan dibuat oleh kumpulan awal pengaman, maka Resolusi 743 dan 749 (1992) telah dikeluarkan bagi melibatkan pasukan pengaman yang lebih besar bagi mengembalikan keamanan di bekas Yugoslavia. Ia dikenali *United Nations Protection Force* (UNPROFOR).<sup>149</sup>

Pada 4 Januari 1993, Pengerusi Bersama Kerajaan Bosnia telah memasukan puak Serbs dan Croats dalam kerajaan bagi meredakan keadaan di Bosnia yang dikenali sebagai Rancangan Damai Vance-Owen yang mana ia ditandatangani pada 30 Januari 1993 oleh ketiga-tiga puak bertelagah iaitu Alija Izetbegovic mewakili puak Islam

---

<sup>148</sup> . *op.cit.*, 37. "The Blue Helmets", hlm-hlm. 487-541.

<sup>149</sup> . *Ibid.*

Bosnia-Herzegovina, Mate Boban mewakili puak Croats dan Dr Radovan Karazic mewakili puak Serbs. Walaupun perjanjian ini dimeterai, namun penghapusan etnik dan pencabulan hak asasi manusia terutama kaum wanita, kanak-kanak dan tawanan perang terus berlaku. Malangnya bagi Bosnia-Herzegovina kerana negara itu tidak mempunyai laluan masuk yang bebas kecuali melalui jalan darat dan udara menerusi negara Croatia dan Serbia. Bagi puak Serbs, mereka dibantu dari segi persenjataan dan bantuan kelengkapan serta makanan dari negara bekas Yugoslavia dan puak Croats pula di bantu oleh negara Croatia. Sementara puak Muslim Bosnia pula terpaksa menunggu bantuan makanan dari pihak antarabangsa. Dalam keadaan tersebut, Majlis Keselamatan PBB telah bersetuju untuk menghantar tentera di Bosnia-Herzegovina bagi mengawal tugas dan konvoi bantuan kemanusiaan dengan Resolusi Majlis Keselamatan SCR 743 pada Februari 1992 mengatur gerak *United Nations Protection Forces (UNPROFOR 1)* ke Croatia dan pada Jun 1992 dengan pasukan UNPROFOR II ke Bosnia-Herzegovina. Pada April - Mei 1993, Majlis Keselamatan PBB telah mengistiharkan 6 kawasan selamat bagi puak Muslim iaitu di Sarajevo, Tuzla, Bihac, Sebrenica, Zepa dan Goradze bagi menentukan keselamatan puak Muslim dari penghapusan etnik oleh puak Serbs dan Croats.<sup>150</sup>

---

<sup>150</sup> Ibid.

## Persiapan Kontinjen.

Belum pun tamat penugasan pasukan pengaman Malaysia di Somalia, Kerajaan Malaysia telah diminta oleh PBB menghantar kontinjennya ke Bosnia-Herzegovina. Tawaran ini telah disambut baik oleh Kerajaan Malaysia. Setelah menerima tawaran tersebut, Markas Operasi dan Latihan Tentera Darat telah bersetuju mengarahkan Batalion Ke-23 RAMD untuk memikul tanggungjawab ini. Bagi menyiapkan diri untuk berkhidmat di negara yang berlainan iklim dan cuacanya, Batalion Ke-23 RAMD yang terdiri seramai 532 orang Pegawai dan Lain-Lain Pangkat telah dihantar ke Turki untuk berlatih dan menyesuaikan diri pada bulan Februari sehingga April 1993. Kontinjen yang menjalani latihan ke Turki ini telah diketuai oleh Brigadier Jeneral Ismail bin Hassan. Pengalaman yang diperolehi di negara Turki sungguh bererti bagi mereka, kerana selain dari menyesuaikan diri mereka juga telah didedahkan kepada latihan kemahiran di medan dan operasi di kawasan-kawasan bandar/pergunungan, iaitu situasi yang hampir serupa dengan Bosnia-Herzegovina. Oleh kerana keadaan muka bumi yang bergunung-ganang dan jarak yang begitu jauh dari satu lokasi ke satu lokasi, Kerajaan Malaysia juga telah membeli 42 buah *Korean Infantry Fighting Vehicle* (KIFV) dan kemudian ditukar kepada *Malaysian Infantry Fighting Vehicle* (MIFV) untuk dilengkapi kepada Batalion Ke-23 RAMD.

Ini merupakan satu cabaran kepada Batalion Ke-23 RAMD, kerana ia selama ini merupakan pasukan infantri yang tidak pernah menggunakan kenderaan jentera berat

berantai. Pembelian MIFV merupakan pembelian pertama ATM bagi kenderaan kereta kebal berantai dalam permodenan Tentera Darat Malaysia. Sehubungan itu, seramai 52 orang anggota pemandu MIFV telah di hantar untuk berlatih di Korea dalam mengendalikan kenderaan tersebut selama lebih kurang dua bulan. Setelah mereka mahir dalam mengendalikan kenderaan tersebut, kontinjen pasukan Pengaman Malaysia Bosnia-Herzegovina telah dikumpulkan untuk latihan penyatuan di Kem Lapangan Terbang Sungai Petani Kedah selama sebulan. Selain latihan menembak, pengendalian peralatan-peralatan moden seperti *Global Positioning System (GPS)*, *Laser Range Finder*, senjata sniper, *Anti Tank Launcher* dan sebagainya, mereka juga telah didedahkan dengan latihan teori dan syarahan yang dilakukan oleh pegawai-pegawai yang berpengalaman dalam misi pengaman sebelum ini. Kontinjen MALBAT I Bosnia-Herzegovina diketuai oleh Kolonel Md Hashim bin Hussein. Beberapa siri tinjauan telah dilakukan oleh ketua kontinjen dan pegawai-pegawai kanan ke Bosnia-Herzegovina dan Croatia sebelum mengerakkan kontinjen MALBAT I Bosnia-Herzegovina ke kawasan misi.

### **Perlaksanaan Tugas.**

MALBAT I Bosnia-Herzegovina telah ditubuhkan pada 19 Ogos 1993. Pada 15 Disember 1993, kumpulan pertama telah diterbangkan ke Split, Croatia sehinggalah kumpulan terakhir pada 21 Disember 1993 yang berkekuatan 89 Pegawai dan 1,382 Lain-Lain Pangkat. Setelah sampai di kawasan misi, barulah anggota pasukan Pengaman

Malaysia menyedari bahawa pertelagahan di Bosnia, bukan sahaja melibatkan kaum/etnik malah ia melibatkan pertembungan fahaman ugama di antara Islam dan Kristian. Ini dapat dilihat pada awal pertelagahan; pihak Bosnia Muslim telah bergabung dengan Croats menentang puak Serbs. Kemudiannya puak Croats pula telah bergabung dengan Serbs bagi menentang puak Bosnia Muslim.<sup>151</sup>

Pada awalnya, Kontinjen Malaysia dihantar ke Bihac bagi mengawal pertelagahan di antara puak Muslim yang bertuankan Serbs dan Puak Muslim yang ingin menuntut kemerdekaan. Namun demikian, di atas kebijaksanaan Leftenan Kolonel Abd Manaf bin Hj Kasmuri yang bertugas sebagai Pegawai Perhubungan/Operasi di Markas Pemerintah Operasi Bosnia-Herzegovina (BH Command) di Kilseljak, MALBAT telah berjaya mendapat satu kawasan operasi yang melibatkan pertelagahan tiga kaum tersebut iaitu di Jablanica dan Konjik di Barat Daya Bosnia-Herzegovina. Di antara mandat dan tugas yang telah dipertanggungjawabkan kepada MALBAT I Bosnia-Herzegovina adalah seperti berikut:<sup>152</sup>

1. Penubuhan tempat pemeriksaan.
2. Mengawasi *Buffer Zone*.

---

<sup>151</sup> . Pengalaman sendiri yang bertugas sebagai Pegawai Staf Operasi Sektor South West Bosnia-Herzegovina pada 1 Februari 1994 sehingga 24 Julai 1994.


<sup>152</sup> . Laporan Operasi MALBAT I Bosnia-Herzegovina bertarikh 27 September 1994, yang diperolehi di Cawangan Operasi dan Latihan Tentera Darat, Markas Tentera Darat, Wisma Pertahanan Kuala Lumpur. Laporan diperolehi pada 25 September 2003.

3. Mengendalikan pos pemerhati.
4. Mengawasi *Active Site* (Tempat pengumpulan senjata).
5. Menjalani tugas pengiring dan piket untuk pemindahan orang awam/tentera/ pasukan PBB yang lain.
6. Konvoi bantuan manusia.
7. Pertukaran tawan perang.
8. Mempengerusikan mesyuarat antara pihak yang bertelagah.
9. Mengkordinasikan pertukaran mayat.
10. Mengkordinasikan pertukaran terup tentera Croats di Zabdre poket Konjic.
11. Melaksanakan penarikan senjata-senjata berat puak bertelagah.
12. Mengawal (*scrambling*) jet-jet pejuang UNPROFOR di kawasan tanggungjawab dengan bantuan *Tactical Air Command Party (TACP)*.

MALBAT I Bosnia-Herzegovina merupakan kontinjen yang mengalami berbagai bagai dugaan dan ancaman dari puak-puak bertelagah kerana penugasan mereka di sana belum mendapat persetujuan perdamaian di antara ketiga-tiga puak yang bertelagah, walaupun di peringkat atasan mereka telah bersetuju untuk bedamai. Kontinjen MALBAT I Bosnia-Herzegovina telah ditempatkan di Konjic, Visoko, Pazaric, Jablanica di Bosnia-Herzegovina dan elemen logistiknya pula, di tempatkan di Split, Croatia. Pada awalnya terdapat satu sahaja laluan yang menghubungi Bosnia-Herzegovina iaitu laluan dari Split, Gornji Vakuf, Zenica, Visoko dan Sarajevo (di bahagian tengah Bosnia-Herzegovina). Apabila MALBAT I Bosnia-Herzegovina mula beroperasi di Bosnia pada



PETA 5. OPERASI PENGAMAN DI BOSNIA & HERZEGOVINA



Sumber: Peta No. 3962.29 20 Departemen Perhubungan Awan-Pertubuhan Bangsa-Bangsa  
Bersatu September 1996 Dalam Buku The Blue Helmets.

bulan Mac 1994, laluan kedua telah dibuka iaitu melalui Split, Metkovic, Mostar, Jablanica, Konjic, Pazaric dan Sarajevo (di bahagian Selatan Bosnia-Herzegovina). Selain dari pengangkutan darat, pengangkutan udara dari Split ke Sarajevo dilakukan oleh pesawat udara PBB setiap hari. Sepanjang jalan laluan tersebut dikawal oleh puak-puak yang bertelagah yang sering sahaja mengancam konvoi bantuan kemanusiaan dan kenderaan-kenderaan PBB sama ada dengan tembakan senjata kecil, mortar ataupun periuk api.

Beberapa insiden yang mengakibatkan kematian dan kecederaan telah berlaku di sepanjang jalan tersebut terhadap pasukan Pengaman PBB, walaupun perjanjian damai telah dimeterai oleh puak-puak yang bertelagah. Sebelum kemasukan Kontinjen Pengaman Malaysia ke Jablanica, Kontinjen Pengaman Sepanyol yang beroperasi di kawasan tersebut sering sahaja ditembak oleh senjata kecil, mortar dan meriam oleh puak-puak yang bertelagah di kawasan tersebut. Namun ketibaan Kontinjen MALBAT telah meredakan keadaan di persekitaran.<sup>153</sup>

Kawasan-kawasan yang diduduki oleh puak Muslim Bosnia memang kekurangan bekalan makanan dan persenjataan, berbandingkan dengan kawasan-kawasan yang diduduki oleh puak Serbs dan Croats, yang mereka mendapat bekalan yang secukupnya dari negara-negara yang menjadi sekutu mereka. Keadaan di Bosnia-Herzegovina semasa ketibaan Kontinjen Pengaman Malaysia masih lagi bergolak. Semasa kemelut Bosnia-Herzegovina berlaku, puak Serbs telah menguasai hampir 70 % kawasan di Bosnia

---

<sup>153</sup>. *op.cit*, 151. Pengalaman Sendiri.

Herzegovina dengan pusat pemerintahannya di Pale iaitu lebih kurang 75 km di Tenggara Sarajevo. Kekuatan ketenteraan Serbs dianggarkan seramai 40,000 orang yang diketuai oleh Jeneral Ratko Mladic. Banyak keganasan yang dilakukan oleh puak Serbs dalam konflik tersebut. Puak Serbs Bosnia telah membunuh beribu orang Muslim di Sebrenica dan menyebabkan hampir 25,000 telah menjadi pelarian.<sup>154</sup> Sementara puak Croats yang dianggarkan kekuatannya seramai 25,000 orang berpusat di Kiseljak Poket, Vitez Poket dan Konjic Poket. Ia diketuai oleh Kolonel Jeneral Ante Rosso. Kubu kuat bagi puak Croats ialah di Tomislavgrad, Mostar dan Kiseljak. Bagi puak Bosnian Muslim pula, walaupun kekuatan tenteranya dianggarkan seramai 60,000 orang, namun mereka tidak terlatih dalam bidang ketenteraan. Ia diketuai oleh Jeneral Rasim Delic yang berkubu di Sarajevo, Kakanj dan Zenica. Bosnia Muslim telah dibantu oleh para mujahidin dari negara-negara Islam dari merata dunia yang tidak diketahui jumlah sebenar kehadirannya. Namun kehadiran para mujahidin ini telah memberi satu tamparan yang hebat bagi puak Croats dan Serbs di Bosnia-Herzegovina.

Penempatan awal MALBAT I Bosnia-Herzegovina adalah di Visoko. Detestmen yang berada di Visoko telah beroperasi di Gunung Igman dan Sarajevo iaitu tempat yang paling merbahaya di Bosnia-Herzegovina. Pada awal Mac 1994, kontinjen MALBAT I telah dikerahkan ke Jablanica, Konjic dan Pazaric, mengambil alih kawasan operasi yang dikuasai oleh pasukan pengaman dari negara Sepanyol. Sepanjang penugasan di Bosnia-Herzegovina, kontinjen Pengaman Malaysia tidak menghadapi masalah besar dari puak-

---

<sup>154</sup> W. Drozdiak, Dutch Absolve U.N. Troops of Sebrenica to Serbs [Internet: http://www.domovina.net/srebrenica.org/english/articles4.htm](http://www.domovina.net/srebrenica.org/english/articles4.htm), The Washington Post, Hague, Netherlands, 11 December 1999, hlm.1.

puak yang bertelagah, walaupun pada peringkat awal puak Croats dan Serbs amat meragui kehadiran tentera Pengaman Malaysia di kawasan mereka. Namun disebabkan perlaksanaan tugas yang adil dan profesionalisme yang ditunjukkan oleh kontinjen MALBAT, maka akhirnya mereka diterima oleh semua pihak yang bertelagah.<sup>155</sup>

Pada Ogos 1994, MALBAT I diganti dengan MALBAT II yang diketuai oleh Kolonel Kamaruddin Mattan, diikuti MALBAT III diketuai oleh Kolonel Hussein Kamal bin Hj Hazizi diikuti MALBAT IV di ketuai oleh Kolonel Mohd Raih bin Hj Ismail sehinggalah ia diletakkan di bawah pengawasan NATO dalam pasukan *Implementation Force (IFOR)* dan kemudian *Stabilization Force (SFOR)* sehinggalah misi di Bosnia-Herzegovina tamat pada 30 Jun 1998. Sepanjang penugasan Kontinjen Pengaman Malaysia di Bosnia-Herzegovina hanya terdapat tiga orang pegawai tentera yang terkorban, iaitu seorang terpijak periuk api, seorang lagi terkena tembakan peluru mortar dan yang terakhir sekali terlibat dengan kemalangan jalanraya. Pada 21 November 1995, puak-puak yang bertelagah telah bersetuju membuat perjanjian perdamaian di Dayton, Ohio Amerika Syarikat bagi menghentikan pertelagahan. Perjanjian akhir telah ditandatangani pada 14 Disember 1995. Perjanjian Dayton ini telah memisahkan Bosnia Herzegovina dengan Bosnian Serb Republika Srpska dimana NATO telah mengetuai pasukan *Implementation Forces (IFOR)* pada 1995-1996 dan akhirnya ia diletakkan di bawah *Stabilization Force (SFOR)* pada 1997 sehingga 2001.<sup>156</sup>

---

<sup>155</sup> . op.cit, 151. Pengalaman Sendiri.

<sup>156</sup> . Wikinfo, Bosnia and Herzegovina, Internet:<http://www.internet-encyclopedia.org/wiki.php?title=Bosnia-and-Herzegovina>, Dated 6 May 2004, hlm.2.

## Masalah Dihadapi.

Pengalaman pasukan Pengaman Malaysia di Bosnia-Herzegovina merupakan pengalaman pertama ATM yang bertugas di cuaca dan iklim di Benua Eropah. Oleh demikian terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh kontinjen ini pada awal penempatan mereka. Di antara masalah yang dihadapi oleh Kontinjen Pengaman Malaysia di Bosnia-Herzegovina adalah seperti berikut:<sup>157</sup>

1. Penggunaan Bahasa. Bahasa memainkan peranan yang penting dalam menghubungkan sesuatu bangsa dan memahami kehendak individu. Oleh kerana bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua Kerajaan Malaysia, maka warga ATM yang telah didedahkan dalam bahasa tersebut telah membantu mereka untuk berhubung dengan puak-puak bertelagah dan kontinjen-kontinjen pengaman dari negara-negara lain termasuk staf-staf Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam misi tersebut. Namun orang tempatan di Bosnia menggunakan bahasa `slav' dalam perhubungan mereka. Maka setiap kumpulan yang ingin keluar berurusan dengan puak-puak yang bertelagah akan menggunakan jurubahasa dari anak tempatan yang pandai berbahasa Inggeris. Namun terdapat beberapa anggota tentera MALBAT 1 Bosnia-Herzegovina telah cepat menguasai bahasa Slav. Ini telah memudahkan sedikit penugasan mereka di kawasan tersebut. Apabila ia menggunakan orang ketiga dalam berkomunikasi, maka keberkesanannya agak kurang lancar pada awalnya sehinggalah ia mengambil masa yang lama untuk puak-puak yang

---

<sup>157</sup> . op.cit, 151. Pengalaman Sendiri.

bertelagah benar-benar memahami hasrat dan tujuan asal perkara yang hendak disampaikan.

2. Tahap Keperluan Sosial. Keadaan hidup di medan bukanlah satu keadaan yang mudah dan selesa. Keadaan keperluan sosial masyarakat Melayu yang dalam tahap sederhana dan ada sebilangan mereka yang hidup dalam susah dan serba kekurangan itu telah membantu mereka dalam menjalani hidup di medan pertelagahan. Keadaan yang serba kekurangan di medan tersebut telah memberi kesan kepada mereka pada awalnya, terutamanya kepada pasukan-pasukan pengaman dari negara-negara lain. Namun bagi kontinjen MALBAT, mereka telah berjaya mengharungi kehidupan tersebut. Contohnya kekurangan pemanas udara di musim sejuk dan ketiadaan gas untuk memasak, keadaan khemah yang kurang sesuai dan ketiadaan *snow chain* untuk kenderaan yang melalui kawasan salji. Salah satu sebab masalah ini timbul adalah kerana staf-staf MALBAT I kurang berinteraksi dengan pegawai dan staf-staf di Markas PBB – Bosnia-Herzegovina bagi mendapat kemudahan tersebut (pada peringkat awal penempatan mereka). Ia mengambil masa yang terlalu lama untuk kontinjen Pasukan Malaysia memahami prosedur pengurusan peralatan di kawasan medan. Setelah kontinjen MALBAT II ditugaskan, barulah masalah ini dapat di atasi dengan sebaiknya.

3. Pengaruh Sosial. Walaupun masyarakat Malaysia adalah masyarakat majmuk yang terdiri dari berbagai bilangan kaum, adat resam dan cara hidup yang

berlainan, namun mereka hidup dalam aman dan tanpa mencurigai di antara satu sama lain. Maka perasaan dan kebiasaan ini telah membantu mereka membawa puak-puak bertelagah ke dalam cara penghidupan yang aman. Pelaksanaan tugas mereka yang tanpa berat sebelah dan memilih kasih ini telah membuatkan puak bertelagah begitu yakin dan menghormati pelaksanaan tugas dari kontinjen Malaysia. Dimana sahaja anggotanya ditugaskan, mereka akan mendapat sambutan dan penghargaan dari masyarakat setempat, termasuk di kawasan yang begitu kritikal disebabkan perbezaan agama. Contohnya sebelum kedatangan kontinjen Malaysia di Pos Pemerhati *Mike* di Konjic, puak Islam, Croats dan Serbs sering sahaja berbalas tembakan di kawasan tersebut. Apabila kontinjen Malaysia berkhidmat di situ, ketiga-tiga puak bertelagah tersebut telah boleh bermain sepak raga dan makan bersama-sama dengan kontinjen pengaman Malaysia.<sup>158</sup> Kontinjen-kontinjen dari negara Eropah yang telah menunjukkan sikap pilih kasih dan berat sebelah dalam pelaksanaan tugasnya sering sahaja diancam oleh puak-puak yang bertelagah. Contohnya pada bulan Februari 1994, sebaik sahaja kontinjen MALBAT I dikeluarkan dari kawasan pergunungan Igman, tiga buah kereta perisai dari Perancis telah ditembak oleh puak Serbs yang mengakibatkan tiga orang tentera Pengaman Perancis telah terbunuh dan lima orang telah tercedera.

---

<sup>158</sup> . Pengalaman semasa penugasan MALBAT I, Bosnia-Herzegovina pada 1993/1994. Pos Pemerhati 'Mike' merupakan pos yang paling merbahaya di Konjic, malah sering sahaja meragut nyawa pasukan pengaman sebelum penugasan kontinjen MALBAT iaitu kontinjen pengaman dari Sepanyol. Namun MALBAT I yang bertugas di situ tidak mengalami sebarang bencana dan masalah yang besar.

4. Sikap Puak Yang Bertelagah. Puak-puak yang bertelagah sering sahaja mencabuli perjanjian dan persetujuan yang dibuat. Mereka sukar untuk diajak berunding dan enggan bekerjasama jika sesuatu tindakan yang akan dilakukan itu difikirkan merugikan pihak mereka. Arahan yang diberi sering sahaja tidak di patuhi dan ini membuatkan anggota pasukan pengaman Malaysia terpaksa bertindak dengan bijak dan berdiplomasi dalam mengatasi masalah tersebut. Ini juga disahkan oleh Cedric Thornberry dalam artikelnya *Peacekeeping, Peacemaking and Human Rights*, yang mengatakan:<sup>159</sup>

...sometimes they find that "the consent of the parties" or "the Parties' assurances" have been more rhetorical than real: in Croatia, for example, where UNPROFOR's original deployment took place in accordance with the Vance Plan, the parties made little attempt to comply with the agreements they had very reluctantly given...

5. Sikap Anggota Pengaman. Pasukan pengaman dari Eropah dipercayai berat sebelah dan lebih berpihak kepada puak Croats dan Serbs. Semua kontinjen pasukan pengaman dari negara-negara Islam tidak dibenarkan mempunyai kawasan operasi sendiri kecuali Malaysia dan Turki. Kontinjen-kontinjen pengaman dari negara-negara Islam akan dipecahkan dan diletakkan di bawah pemerintahan pasukan pengaman dari negara Eropah sebagai pengawal, pemandu dan pengangkut barang dan peralatan. Tiada satu pun kenderaan dan bantuan

---

<sup>159</sup> . op.cit, 77. M.Malan.



makanan dari negara dan persatuan Islam sedunia di benarkan memasuki kawasan di Bosnia-Herzegovina kecuali dari PBB dan pertubuhan Kristian sedunia.<sup>160</sup>

6. Terdedah Oleh Ancaman. Kontinjen pasukan pengaman sering sahaja terdedah kepada ancaman dari penembak curi, tembakan mortar, tembakan meriam, periuk api dan serang oleh puak-puak yang bertelagah. Penugasan di Bosnia-Herzegovina merupakan salah satu penugasan pasukan pengaman PBB yang banyak meragut nyawa, iaitu berjumlah 167 orang, sehingga 31 Mac 1995.<sup>161</sup> Ini merupakan satu kemalangan jiwa yang besar sepanjang penugasan PBB dalam tugas pengaman. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Gareth Evans dalam bukunya *Cooperating for Peace*.<sup>162</sup>

...Peace keepers are vulnerable to determined attack. When physical safety is involved, rapid decisions are required, allowing the Security Council little time to consider the consequences: one option is to incorporate guidelines for the protection of peace keepers in the Rules of Engagement for the peace keeping operation (with appropriate resources to match) rather than invoking Chapter VII on a case by case basis...

Sepertimana juga tugas pengaman di Kampuchea, pasukan pengaman PBB/NATO, khasnya pasukan pengaman Malaysia, menghadapi ancaman periuk api yang ditanam tanpa kawalan dan peraturan sebagaimana ditetapkan oleh Undang-Undang Periukapi Antarabangsa. Pasukan Pengaman PBB menganggarkan terdapat 2-5 juta periukapi pemusnah kereta kebal dan pemusnah

---

<sup>160</sup> . Ibid.

<sup>161</sup> . op.cit, 20, "United Nations".

<sup>162</sup> . op.cit, 136. G. Evan.

manusia terdapat di Croatia (sempadan Bosnia-Herzegovina). Mulai April 1992 sehingga Jun 1995, terdapat 174 kejadian kemalangan periukapi dicatatkan yang mengakibatkan 204 orang pasukan pengaman cedera dan 20 orang meninggal dunia.<sup>163</sup> Ini merupakan satu ancaman yang besar kepada pasukan pengaman PBB dan khasnya pasukan Pengaman Malaysia.

## **Kejayaan.**

Kejayaan yang dicapai oleh pasukan Pengaman Malaysia di Bosnia-Herzegovina ini boleh dibahagikan kepada beberapa aspek. Pertama kepada ATM, ia merupakan satu pendedahan yang baru kerana ia pertama kali ditugaskan di Benua Eropah. Kontinjen pasukan Pengaman Malaysia beroperasi di kawasan yang mempunyai iklim berbeda iaitu di bawah paras beku 50 darjah celcius.<sup>164</sup> Ia memerlukan ketahanan mental dan fizikal. Mereka telah berjaya membantu mengamankan kawasan yang telah dipertanggungjawabkan kepada mereka dengan jayanya, contohnya di Jablanica, Konjic, Pazaric, Visoko dan beberapa kawasan di Sarajevo. Sebelum kemasukan pasukan Pengaman Malaysia ke kawasan operasi di Konjic dan Jablanica, Kolonel Jenderal Ante Rosso iaitu ketua puak Croats pernah membantah penugasan mereka di kawasan tersebut. Namun setelah kontinjen Pengaman Malaysia berkhidmat di kawasan tersebut serta menunjukkan prestasi yang tinggi tanpa berat sebelah, ia kemudiannya meminta kepada Markas Pemerintah PBB di Sektor Barat Daya agar pasukan Pengaman Malaysia di letakkan lagi di kawasan-kawasan pertelagahan yang melibatkan puaknya. Ini merupakan

---

<sup>163</sup> . D. Isenberg, Landmine Hazards in Bosnia-Herzegovina and Croatia. Internet: <http://www.cdi.org/issues/Europe/bosim.html>, 11 Disember 1995, hlm.1.

<sup>164</sup> . op.cit, 151. Pengalaman Sendiri.

satu kejayaan bererti kepada ATM dan kepada PBB itu sendiri. Kawasan di mana kontinjen Pasukan Pengaman Malaysia beroperasi merupakan kawasan paling awal dapat distabilkan berbanding dengan kawasan-kawasan di bawah pasukan pengaman dari negara-negara lain.<sup>165</sup>

Kejayaan Kerajaan Malaysia dalam penglibatan pasukan pengaman di Bosnia-Herzegovina telah membuktikan kepada dunia dan masyarakat antarabangsa, bahawa Malaysia amat perihatin dengan masalah yang melanda masyarakat dunia. Komitmen kerajaan tanpa mengira perbelanjaan yang besar dalam menugaskan pasukan pengaman merupakan pengorbanan yang amat besar kepada Rakyat Bosnia-Herzegovina dan masyarakat antarabangsa. Terutamanya apabila pasukan Pengaman Malaysia diletakan di bawah tentera NATO. Pada kebiasaannya, tiada sebuah negara yang bukan ahli NATO dibenarkan berkhidmat di bawah NATO. Namun di atas komitmen yang jitu dan prestasi yang amat baik, maka kontinjen pasukan Pengaman Malaysia telah dilanjutkan sehingga tamat misi pengaman di Bosnia-Herzegovina.

Kejayaan yang paling manis bagi kontinjen pasukan Pengaman Malaysia dan amat bererti kepada masyarakat di Bosnia-Herzegovina adalah pembukaan laluan kedua. Laluan tersebut membolehkan bantuan kemanusiaan dibawa masuk. Oleh itu PBB mempunyai jalan alternatif dalam menentukan agar masyarakat di Bosnia-Herzegovina tidak diancam kebuluran, terutamanya di musim sejuk. Laluan ini telah cuba dibuka oleh kontinjen pasukan Pengaman Sepanyol sebelum ini, namun usaha tersebut tidak berjaya

---

<sup>165</sup>. Ibid. Setiap hari laporan di buat mengatakan di kawasan MALBAT tiada laporan pencabulan perjanjian yang telah dilakukan oleh mana-mana pihak.

dan mereka sering sahaja di serang hendap terutamanya di *Varde Line* (di kawasan Mostar).

Kejayaan besar seterusnya yang dilakukan oleh kontinjen pasukan Pengaman Malaysia adalah pengurusan tukar ganti tentera Croats yang terkepung di Konjic Poket. Tentera Croats tersebut telah dikepung oleh puak Muslim sejak konflik bermula di Bosnia-Herzegovina (1992 - 1994). Pengurusan tukar ganti yang berjaya dilakukan oleh kontinjen MALBAT I ini, telah menghapuskan sama sekali syak wasangka puak Croats terhadap kontinjen pasukan Pengaman Malaysia. Ini merupakan salah satu sebab kontinjen pasukan Pengaman Malaysia, tidak di serang hendap di *Varde Line* dan memudahkan mereka untuk membuka laluan kedua di Bosnia-Herzegovina.

## **Kesimpulan.**

Konflik di Bosnia-Herzegovina ini pada hakikatnya boleh dihentikan dengan seberapa segera sekiranya tiada campur tangan dari negara-negara asing/jiran yang terlibat secara langsung dalam membantu puak-puak yang bertelagah untuk terus melaksanakan perjuangan mereka dengan membekalkan peralatan/kelengkapan kepada puak-puak yang terlibat dalam konflik tersebut terutamanya dari Croatia dan Serbia. Pertelingkahan agama dan sejarah hitam yang menyelubungi benua Eropah akibat penaklukan Kerajaan Ottomaniah/Perang Salib pada suatu masa dahulu turut menyebabkan mereka dihantui oleh perasaan takut dan mencurigai akan kebangkitan Negara Islam di Benua Eropah. Presiden Perancis pernah menegaskan ia tidak akan

membenarkan sebuah negara Islam lahir di Benua Eropah. Perbezaan agama inilah yang membuatkan perasaan dendam dan konflik yang berlarutan berlaku di bumi tersebut. Puak Serbs yang berfahaman Kristian orthodox dibantu oleh Serbia yang berfahaman agama yang sama, manakala Croats pula berfahaman Kristian Katolik di bantu oleh Croatia.<sup>166</sup> orang Bosnia yang beragama Islam tersepit, Dalam Perjanjian Dayton (Annex 1-A : *Military Aspects*) puak Mujahideen diarah keluar dari bumi Bosnia-Herzegovina dalam tempoh 30 hari. Malangnya negara-negara Islam khususnya OIC gagal bertindak bagi menghentikan pertelagahan kaum di negara tersebut dengan seberapa segera.

Kelewatan PBB dalam menangani masalah di Bosnia-Herzegovina ini telah membuatkan puak Serbs bermaharaja lela dengan pembunuhan beramai-ramai, mangsa perkosaan dan kemusnahan harta benda serta mangsa pelarian yang begitu banyak. Kelewatan Amerika Syarikat untuk campur tangan dan menghantar tenteranya di Bosnia-Herzegovina merupakan penyumbang kearah kemelut tersebut. Namun apabila puak Mujahidin dan Tentera Bosnia-Herzegovina mula menawan kembali kawasan-kawasan yang di kuasai oleh puak Serbs dan Croats, barulah Amerika Syarikat dan PBB mula bertindak dengan lebih serius kearah perdamaian di Bosnia-Herzegovina.

Bagi rakyat yang tidak mementingkan pertahanan negara seperti puak Muslim Bosnia yang hanya mementingkan ekonomi sahaja, maka mereka telah menerima akibat yang dahsyat apabila berlaku konflik kaum di negara sendiri. Mereka yang tidak terlatih dalam institusi ketenteraan dan pasukan keselamatan telah tersepit dalam kancah tersebut

---

<sup>166</sup> R. F. Cavazos dan S.S.Powel, A Recent History of Bosnia-Herzegovina, Internet, <http://www.fas.org/irp/agency/army/tradoc/usaic/mipb/1996-4/cavazoz.htm>, *Military Intelligence*, Fort Huachuca, Arizona, U.S. hlm.1.

dan mengambil waktu yang agak lama dalam membolehkan mereka terlatih untuk mempertahankan diri sendiri, keluarga dan tanahairnya. Tambahan pula dalam menuntut kemerdekaan negara. Ia bukanlah perkara yang mudah dan rendah nilainya. Tiada siapa dapat menyangkakan bahawa negara yang bertamadun akan melakukan tindakan yang begitu ganas sesama sendiri diluar peri kemanusiaan.

Walaupun ini merupakan pengalaman pertama ATM melibatkan diri dalam tugas pengaman di benua Eropah, namun prestasi yang ditunjukkan oleh kontinjen-kontinjen MALBAT amat cemerlang sekali seperti mana penglibatan mereka di benua Afrika dan di Kampuchea. Kecemarlangan ini telah membuktikan bahawa pasukan Pengaman Malaysia lebih baik dari pasukan-pasukan pengaman dari negara-negara lain di dunia ini. Dalam hal ini juga, ia telah meletakkan negara Malaysia merupakan negara yang begitu komited terhadap masalah masyarakat antarabangsa dalam mengembalikan keamanan di dunia ini. Keadaan ini membolehkan negara Malaysia bersuara dengan lebih lantang di arena antarabangsa dan menjadi peneraju kepada negara-negara dunia ketiga.